



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
KETUA PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR
SESI INTERAKTIF KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR
BERSAMA PENGAMAL MEDIA
TARIKH: 2 NOVEMBER 2023 (RABU)
MASA: 9.00 PAGI
TEMPAT: DOUBLE TREE BY HILTON, PUTRAJAYA

SALUTASI

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warohmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Yang Berusaha Dr. Norhazni binti Mat Sari

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon

Pengarah Bahagian Komunikasi Startegik

Menanggung tugas Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

Pengarah-pengarah Bahagian JAS Ibu Pejabat dan Negeri,

dan Semua rakan media yang turut hadir pada hari ini



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Yang Maha Esa, kerana dengan izin Nya jua kita dapat bersama-sama pada hari ini, Terima kasih kepada semua rakan media yang saya hormati dan hargai kerana sudi hadir pada program hari ini. Program kita hari ini bukanlah julung kali diadakan sebaliknya ianya merupakan satu platform secara berkala yang dianjurkan oleh Jabatan untuk mengupas perkara-perkara di bawah bidang kuasa Jabatan bersama rakan media. Pada tarikh yang sama tahun lepas kita mengupas berhubung perkara-perkara berkaitan pemantau, penguatkuasaan dan undang-undang di bawah kualiti air. Namun hari ini kita akan melihat perspektif yang berbeza iaitu seiring dengan usia kematangan negara, JAS juga pada tahun ini sebagaimana semua sedia maklum kita menyambut 50 tahun Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Alhamdulillah pada tahun ini usaha Jabatan Alam Sekitar untuk memperkasakan dan memantapkan perundangan tercapai dengan pewartaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 pada 6 Jun 2024 dan ianya telah mula berkuatkuasa pada 7 Julai 2024 yang lalu.



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

Antara Intipati pindaan akta ini adalah merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- i. Pemantapan hukuman penalti dengan julat kadar denda minimum tidak kurang daripada RM5,000, denda maksimum tidak melebihi RM10 juta;
- ii. Peningkatan kadar kompaun daripada tidak melebihi RM2,000 kepada tidak melebihi 50% daripada denda maksimum kesalahan berkaitan;
- iii. Pewujudan denda maksimum RM10 juta bagi kesalahan melibatkan pencemaran air, pencemaran buangan minyak serta buangan di perairan Malaysia dan pelupusan haram buangan terjadual;
- iv. Hukuman penjara mandatori tidak melebihi lima (5) tahun ke atas kesalahan melibatkan pelupusan haram buangan terjadual, pencemaran air dan ketidakpatuhan keperluan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA); dan
- v. Pakaian seragam kepada semua pegawai JAS yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dan setaraf dengan agensi-agensi penguatkuasa yang lain.



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

Hadirin yang dihormati

2. Pada kali ini juga suka saya berkongsi dengan Tuan/Puan berhubung aspek-aspek penting di bawah EIA yang adakalanya menjadi tanda tanya dan perdebatan masyarakat di luar sana bagaimana proses ini berjalan. Saya percaya Tuan/Puan di hadapan saya merupakan tonggak utama dalam memberikan kefahaman dan pencerahan kepada masyarakat berhubung peranan yang dimainkan oleh Jabatan. Saya mahu mesej yang jelas dapat dikongsikan kerana dengan adanya media sosial yang menyajikan maklumat tanpa sempadan ini, adakalanya maklumat yang salah mendominasi, sedangkan sepatutnya medium ini merupakan tempat kita untuk berkongsi fakta yang sahih dan benar. Itulah hakikat yang dihadapi oleh Jabatan dalam menjalankan tugas, pelbagai cabaran di hadapi terutamanya apabila melibatkan prosedur dan kelulusan yang perlu dipatuhi. Terutamanya dalam perkara yang melibatkan kelulusan seperti EIA kerana keterlibatan JAS dalam proses EIA bukanlah untuk menyukarkan sesuatu projek sebaliknya bersesuaian dengan tagline Jabatan iaitu “***Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama***” inilah amanah yang kita pegang.



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

3. Hari ini saya mahu platform sesi interaktif ini menjadi satu perkongsian atau sesi dua hala yang boleh menjadi nilai tambah kepada penyampaian maklumat Jabatan. Saya percaya Jabatan juga boleh membawa Tuan/Puan yang saya hormati berkongsi dan merasai pengalaman berhubung pendekatan yang dilaksanakan oleh JAS dalam menggalas tanggungjawab berhubung gerak kerja yang dijalankan dalam melaksanakan penguatkuasaan melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan mengupas perkara-perkara berhubung EIA.

4. Sebagaimana Tuan/Puan sedia maklum YB Menteri juga telah mengeluarkan kenyataan berhubung kekangan yang dihadapi oleh JAS. Keperluan untuk penambahan perjawatan keanggotaan JAS adalah amat perlu disemak semula kerana dengan kekuatan pegawai penguatkuasa sedia ada yang hanya berjumlah seramai 1,122, Jabatan Alam Sekitar bertanggungjawab untuk memastikan sebanyak 89 Seksyen, 18 Peraturan dan 15 Perintah dan 2 kaedah yang merangkumi kawalan pencemaran dari industri, bukan industri, projek pembangunan dan pelepasan daripada kenderaan bermotor dapat dipatuhi.



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

Data juga menunjukkan pada tahun 2023, jumlah keseluruhan punca pencemaran yang tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 adalah berjumlah 34,993,477 dan bilangan pemeriksaan yang dapat dilaksanakan adalah hanya 323,363.

Manakala untuk tahun 2023 juga Jabatan menerima sejumlah 541 laporan EIA yang melibatkan 90% atau 487 laporan bagi aktiviti yang tertakluk di bawah Jadual Pertama, manakala 10% atau 54 laporan bagi aktiviti yang tertakluk di bawah Jadual Kedua perintah tersebut. Dari tahun 2009 sehingga kini sejumlah 5,112 Laporan EIA diterima oleh Jabatan.

Untuk makluman juga Selangor mencatatkan bilangan laporan EIA tertinggi pada tahun 2023 iaitu sebanyak 90 (18.5%) laporan, diikuti dengan Kelantan sebanyak 59 (12.1%) laporan, dan Pahang sebanyak 56 (11.5%) laporan (Rajah 3.2).

5. Jelasnya disini seperti yang Tuan/Puan sedia maklum, isu alam sekitar perlu dilihat secara menyeluruh kerana ia melibatkan pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi dalam menetapkan dasar, hala tuju, serta pendekatan terbaik untuk menangani isu-isu berkaitan.



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

Platform seperti Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar (MESYUARAT MEXCOE) Bil. 2/2024 dan yang terkini telah diadakan pada 12 September 2024 di Putrajaya adalah merupakan salah satu indikator penting dalam menyelaraskan pelaksanaan dasar pengurusan alam sekitar antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Mesyuarat ini turut membincangkan isu-isu berkaitan penyelarasan program dan aktiviti pengurusan alam sekitar, serta mengenal pasti langkah-langkah untuk memperkukuhkan kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

6. Dalam hal ini antara perkara penting yang dibentangkan dalam mesyuarat, adalah mengenai Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA), yang menekankan peranan bersama Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam memastikan tanggungjawab semua pihak terlibat dipikul dengan sewajarnya. Saya sentiasa merangka dan mengambil inisiatif untuk memperkukuh jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Majlis Perbandaran, Kerajaan Negeri, dan pelbagai pihak lain. Kolaborasi ini menjadi tonggak kepada



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

pelaksanaan inisiatif yang digerakkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) bersama agensi-agensi lain.

7. Inilah mesej yang saya rasa perlu kita kongsi kepada masyarakat umum tentang betapa pentingnya pemuliharaan alam sekitar, yang bukan hanya menjadi tanggungjawab pihak berkuasa tertentu, tetapi tanggungjawab bersama kita semua. Dengan bantuan Tuan/Puan, mesej ini dapat disampaikan dengan jelas, khususnya mengenai nilai, keperluan, dan kepentingan menjaga ekosistem yang akan diwariskan kepada generasi akan datang.

Tuan/Puan

8. Oleh itu, mesej penting ini harus digalas bersama dan memerlukan sokongan daripada semua pihak. Dalam konteks ini, saya melihat peranan tuan-tuan dan puan-puan yang berada di hadapan saya amat signifikan dalam membantu merealisasikan hasrat memperkasakan masyarakat agar lebih peka terhadap pemeliharaan alam sekitar. Kita mesti melangkah bersama dalam menjayakan usaha murni ini.

Sokongan berterusan daripada tuan-tuan dan puan-puan amat diperlukan sebagai satu keluarga besar yang mendukung



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

amanah ini, melalui tanggungjawab masing-masing. Walaupun cara kita mungkin berbeza, matlamat kita tetap satu. Saya menyeru agar kita saling menyokong antara satu sama lain dalam memastikan usaha pemuliharaan alam sekitar, yang merupakan warisan kepada generasi akan datang, dapat dipertahankan sebaik mungkin.

Kami juga akan sentiasa menyokong dan sedia membantu dalam menyalurkan maklumat yang tepat dari semasa ke semasa. Hal ini saya tekankan kerana Jabatan harus berada di hadapan dalam dunia tanpa sempadan ini untuk memastikan masyarakat tidak terpengaruh dengan maklumat yang tidak tepat daripada sumber yang tidak sah.

Hadirin yang dihormati,

9. Membudayakan pemuliharaan alam sekitar sebagai satu gaya hidup kepada semua peringkat masyarakat merupakan salah satu agenda utama Jabatan. Hasrat ini saya perkasakan bukan sahaja untuk meningkatkan kesedaran umum, tetapi juga untuk memastikan penyertaan semua pihak dalam menjayakan agenda Jabatan dan merupakan agenda Negara juga. Gaya hidup lestari amat penting kerana membudayakan sesuatu perkara bukanlah mudah.



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

Ia memerlukan proses yang berterusan untuk dipupuk dan disemai agar menjadi amalan yang berkekalan.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi menyeru agar kerjasama erat yang telah terjalin antara kita dapat terus diperkukuh, khususnya dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Kerana, alam sekitar adalah tanggungjawab kita bersama.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.